

27/07/2002

Pembangkang tidak boleh muncul di radio, televisyen

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan tidak bercadang memberi ruang kepada mana-mana parti pembangkang muncul di media elektronik bagi tujuan berkempen atau menyatakan pendirian mengenai sesuatu isu.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata keputusan itu dibuat kerana pihak pembangkang sudah mempunyai saluran lain seperti ceramah, cakera padat, surat layang, Internet serta buku sebagai alat propaganda politik mereka.

Beliau berkata, pendekatan pembangkang mengedarkan risalah serta majalah secara meluas tanpa izin Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam kempen pilihan raya kecil di Pendang dan Anak Bukit, Kedah, menyebabkan kerajaan mengambil tindakan pantas menggunakan televisyen bagi menjawab segala tuduhan fitnah di samping menjelaskan kedudukan sebenar kepada rakyat.

"Tuduhan yang dibuat (oleh pembangkang) adalah tuduhan rasmi kepada kerajaan dan pemimpin kerajaan, jadi kita gunakan pendekatan menggunakan televisyen bagi menjawab segala tuduhan itu.

"Jadi apa salahnya (tindakan itu) kerana kita fikir, orang ramai perlu mengetahui kedudukan sebenar dan kita akan meneruskan (usaha ini)," katanya pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat Pengerusi dan Ketua Editor Saba News Agency Yaman, Masr Taha Mustapha, di Angkasapuri, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pandangan ruangan pojok, Awang Sulung dalam Mingguan Malaysia, Ahad lalu, bahawa liputan media yang lebih banyak menyebelahi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit, tidak berkesan dari segi mengubah hati penyokong pembangkang.

Ruangan itu turut memetik, Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, yang menggunakan istilah 'media overkill' ketika mengulas penggunaan media secara keterlaluan pada kempen pilihan raya itu.

Berikutan itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, kerajaan akan meneruskan agenda mendedahkan pemimpin Pas melalui siaran televisyen dari semasa ke semasa.

Mulai malam ini, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dalam siaran Berita Perdana Jam 8 akan menyiarkan sedutan ucapan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang menyebut bahawa Tuhan samseng.

Selain itu, RTM juga akan menyiarkan sedutan ucapan pemimpin Pas yang menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menonton video lucu bersama cucunya di rumah.

Menjawab soalan mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa kerajaan sebenarnya takut memberi peluang kepada parti pembangkang, Khalil berkata, perkara itu adalah andaian semata-mata kerana parti pembangkang berjaya mempengaruhi pengikut mereka melalui saluran yang mereka ada.

Menjawab satu soalan, kononnya tindakan kerajaan menyiarkan sedutan ceramah pemimpin Pas akan menyebabkan orang ramai tidak menonton televisyen, katanya, perkara itu tidak berlaku kerana rating penonton siaran RTM dan stesen televisyen lain didapati semakin meningkat.

"Bagaimana pembangkang kata tidak ada orang menonton televisyen sedangkan segala perkembangan media elektronik diikuti dengan penuh minat oleh golongan itu. Mereka sendiri antara yang menonton rancangan RTM," katanya.